**INSTITUT PENYELIDIKAN DAN KEMAJUAN PERTANIAN MALAYSIA**
***(Malaysian Agricultural Research and Development Institute)***

**IKLAN JAWATAN KOSONG**

**TARIKH BUKA IKLAN: 13 JUN 2022**

MARDI sebuah Badan Berkanun di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Makanan Malaysia mempelawa warganegara Malaysia berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan yang berkelayakan bagi mengisi kekosongan jawatan berikut :-

| **JAWATAN 3** | **:** | **PENJAGA JENTERA ELEKTRIK GRED J19** |
|---|---|---|
| **Klasifikasi** | : | Kejuruteraan (J) |
| **Kumpulan** | : | Pelaksana |
| **Taraf Jawatan** | : | Tetap/Kontrak *(Contract of Service)* |
| **Penempatan** | : | Pulau Pinang |
| **Jadual Gaji** | : | Gred J19<br>**Gaji Minimum** RM1,377.00<br>**Gaji Maksimum** RM4,052.00 |
| **1. Syarat Lantikan** | : | Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:<br><br>(a) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta sekurang-kurangnya Sijil Kekompetenan Kategori A0 (Sistem Voltan Rendah) yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Tenaga atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.<br><br>*Gaji permulaan di Gred J19 ditetapkan mengikut Kategori Sijil Kekompetenan:*<br>• *A0/A1 : RM1,435.12*<br>• *A4-2/A4-1/A4 : RM1,493.24*<br>• *B0-2/BO-1/B0/B1/B4 : RM1,551.36* |
| **2. Syarat Kelayakan Bahasa Melayu** | : | Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan. |
| **3. Ringkasan Tugas** | : | Bertanggungjawab melaksanakan skop tugas penyelenggaraan dan operasi ke atas sistem pepasangan elektrik dengan memastikan tatacara/prosedur keselamatan adalah sentiasa dipatuhi bagi memenuhi keperluan Akta Bekalan Elektrik 1990 |

dan Peraturan-Peraturan Elektrik 1994.

| | | |
|---|---|---|
| **4. Keutamaan Kepada Calon** | : | (a) Mempunyai sekurang-kurangnya dua (2) tahun pengalaman dalam bidang berkaitan; dan<br><br>(b) Memiliki Sijil Kekompetenan A4-2/A4-1/A4/L3 dan ke atas mengikut Akta Bekalan Elektrik 1990 dan Peraturan-Peraturan Elektrik 1994. |

**CARA MEMOHON:**

i) Semua permohonan hendaklah dibuat secara atas talian melalui Sistem Permohonan Jawatan MARDI (e-jawatan) sepenuhnya dengan melayari http://ejawatan.mardi.gov.my/

   **a. Mendaftar di Sistem Permohonan Jawatan MARDI (e-jawatan)**
   **b. Memohon jawatan yang berkaitan**

ii) Semua permohonan hendaklah diisi dengan lengkap disertakan salinan dokumen yang diperlukan berserta dengan gambar formal terkini dan berukuran passport **(Gambar swafoto/selfie tidak dibenarkan). Permohonan yang tidak lengkap tidak akan diproses.**

iii) Permohonan yang lewat diterima dan tidak mematuhi syarat yang ditetapkan tidak akan dipertimbangkan. Manakala, calon yang berkelayakan sahaja yang akan dipanggil untuk ditemuduga.

iv) Hanya calon yang layak selepas sesi tapisan sahaja yang akan dipanggil untuk temuduga dan permohonan yang tidak menerima sebarang jawapan selepas **enam (6) bulan** dari tarikh tutup hendaklah menganggap permohonan mereka tidak berjaya.

**TARIKH TUTUP IKLAN : 3 JULAI 2022**

*Sebarang pertanyaan boleh menghubungi talian 03-8953 7043/7037*